

Perpaduan umat Islam semakin meruncing

Oleh Zulkofli Jamaludin

BH

4 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih kerana perpaduan di kalangan umat Islam kini semakin meruncing, sedangkan Malaysia diharap menjadi negara Islam contoh.

Perdana Menteri berkata, umat Islam berpecah-belah sehingga ada yang sanggup mengkafirkan orang lain, melempar fitnah dan mengajar anak kecil supaya membenci kerajaan.

“Umat Islam juga kini berpecah sehingga ada yang tidak mahu bercakap dengan orang lain, tidak benarkan berkahwin kerana perbezaan politik serta sanggup memberontak untuk menjatuhkan kerajaan.”

“Malah, puak ini sanggup melanggar undang-undang dengan mengada-

“Umat Islam juga kini berpecah sehingga ada yang tidak mahu bercakap dengan orang lain, tidak benarkan berkahwin kerana perbezaan politik serta sanggup memberontak untuk menjatuhkan kerajaan.”

– Dr Mahathir Mohamad

kan demonstrasi sehingga perpecahan yang berlaku, nampak tidak boleh dirapatkan,” katanya ketika berucap pada Majlis Nur Ramadan anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Pada majlis itu, seramai 1,300 fakir miskin di Wilayah Persekutuan, termasuk Labuan dan pertubuhan bukan kerajaan menerima

sumbangan RM100, beras, sejadah, kain dan telekung.

Dr Mahathir berkata, pelancong Arab yang melawat negara ini kagum dengan pencapaian dan pembangunan Malaysia serta berharap dapat menjadi contoh kepada negara Islam lain.

“Usaha itu hanya dapat dicapai sekiranya umat Islam kembali bersatu dan mengutamakan perpaduan

daripada perjuangan sempit yang boleh memecah-belahkan umat Islam.

“Kalau kita berpecah-belah kita tidak lagi bersaudara seperti yang dituntut oleh Islam,” katanya sambil mengingatkan mengenai kuasa asing yang ingin melihat Malaysia hancur.

Perdana Menteri berkata, negara asing seperti Amerika Syarikat, Australia dan England menggunakan media untuk menyokong puak tertentu di negara itu bagi melemahkan kerajaan.

“Mereka (negara asing) tahu untuk menghancurkan negara Islam, rakyat di negara ini mesti dipecah-belahkan dan menyokong rusuhan.

“Sebenarnya, mereka tidak akan membantu umat Islam yang menghadapi masalah seperti berlaku di Bosnia-Herzegovina, Kosovo dan Palestin,” katanya.

Dr Mahathir berkata, negara asing juga tidak pernah menyokong kerajaan kerana mereka tidak senang dengan kelantangan Malaysia menegur kesalahan yang dilakukan

terhadap umat Islam.

Beliau berkata, sekiranya umat Islam bersatu tidak ada kuasa asing yang boleh mengancam dan membunuh umat Islam sewenang-wenangnya seperti di Bosnia serta Palestin.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat agar tidak menyalah gunakan masjid untuk menabur fitnah dan memburukkan kerajaan kerana ia adalah lambang penyatuan umat Islam.

“Kerajaan membina masjid untuk membolehkan umat Islam beribadat, ber-

kumpul dan merapatkan hubungan seperti dituntut agama.

“Kita dapat dirikan masjid Wilayah Persekutuan yang tercantik di negara ini kerana negara kita kaya. Kita juga dapat keluar wang untuk membina masjid di merata tempat,” katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan rakyat supaya tidak menganggap mana-mana kerajaan mampu membina masjid kerana ia tidak dapat didirikan sekiranya negara miskin.